From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: EMPAT PELAJAR UUM COB MULAKAN LATIHAN INDUSTRI DI DHL APSSC
Date: Wednesday, 23 September, 2026 4:21:53 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

23 SEPTEMBER 2026 / 11 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Prof. Madya Dr. Normalisa Md Isa

EMPAT PELAJAR UUM COB MULAKAN LATIHAN INDUSTRI DI DHL APSSC



UUM ONLINE: Petaling Jaya - Empat pelajar Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM COB) melapor diri di DHL Asia Pacific Shared Services (DHL APSSC) bagi memulakan latihan industri selama enam bulan. Mereka merupakan kumpulan pertama yang memulakan penempatan bagi sesi ini.

Ketibaan pelajar disusuli dengan sesi taklimat yang dikendalikan oleh Sha'wanah Syd Mohammed Sebir, *Senior Specialist – Talent Acquisition*, dan Siti Raziah Thaiubudeen, *Specialist – Talent Acquisition*. Sesi tersebut memberi gambaran awal tentang DHL APSSC serta persediaan pelajar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja baharu.



DHL APSSC merupakan pusat perkhidmatan bersama yang menyokong operasi DHL dalam bidang seperti kewangan, sumber manusia dan proses perniagaan. Sepanjang latihan, pelajar berpeluang memperoleh pengalaman kerja sebenar dan berinteraksi dengan pegawai serta staf antarabangsa DHL. Pendedahan kepada persekitaran kerja pelbagai budaya ini dijangka membantu mereka mengasah kemahiran komunikasi dan membina keyakinan diri.

Pengarah Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC), Prof. Dr. Chandrakantan Subramaniam, berkata peluang yang diberikan DHL APSSC mempunyai nilai yang lebih luas daripada penempatan latihan industri semata-mata.

“Pengalaman bekerja bersama warga DHL daripada pelbagai latar belakang akan membuka perspektif baharu kepada pelajar. Kami berharap mereka menggunakan peluang ini untuk belajar, menyumbang dan membina kemahiran profesional sebagai persediaan memasuki alam pekerjaan,” katanya.



Beliau turut menghargai komitmen DHL APSSC dalam pembangunan pelajar UUM melalui program pendedahan industri dan persediaan kerjaya yang telah dilaksanakan bersama universiti.

Kerjasama kedua-dua pihak sebelum ini telah dimulakan melalui penandatanganan Surat Hasrat (*Letter of Intent*, LOI). CUIC kini dalam proses memperkukuh hubungan tersebut ke arah pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU), sekali gus membuka ruang untuk lebih banyak inisiatif pembangunan pelajar pada masa hadapan.

ZMS/JKK/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.